

Kumpulan Anekdot
MUTIARA HIKMAH 4

Covid oh Covid!



Editor:
Aspalilah Alias
Jannatul Madihah
Afizah Salleh

KUMPULAN ANEKDOT MUTIARA HIKMAH 4

COVID OH COVID!

EDITOR

**ASPALILAH ALIAS
JANNATUL MADIHAH ABU BAKAR
AFIZAH SALLEH**



**EXCO WANITA REMAJA DAN KANAK- KANAK (WARAK)
PERTUBUHAN AMAL PERUBATAN IBNU SINA MALAYSIA (PAPISMA)**

Hak cipta © 2022

© PAPISMA

Reka bentuk muka © 2022

PAPISMA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juapun, samaada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbit terlebih dahulu.

Hak cipta © 2022

PAPISMA

Hak Cipta Terpelihara

ISBN 978-967-25705-7-8

Editor: Aspalilah Alias, Jannatul Madihah Abu Bakar, Afizah Salleh, Hariza Mohd Yusof.

Pereka Grafik: Nur Atikah Mohd Amin

Penerbit:

PAPISMA

3B, Jalan SG 3/16, Taman Seri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor.

Dicetak oleh:

Firdaus Press Sdn Bhd,

28 Jalan PBS 14/4,

Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan, Selangor.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	7
PENGHARGAAN.....	9
SEULAS BICARA	10
Ketentuan Allah Yang Terindah	13
Siti Zubaidah Ismail	13
Kisah Banjir 2021.....	18
Afizah Salleh.....	18
Ku Sedia Pergi.....	31
Siti Zubaidah Ismail	31
Kun Fayakun.....	38
Sarah Syahirah Binti Md Nizam.....	38
Langit Terbuka Luas	41
Sharifah Fadhilah binti S. Ayop	41
Makhluk Itu Semakin Hampir.....	48
Siti Zubaidah Ismail.....	48
Mencari Hikmah di Sebalik Musibah	55
Farhaana Husainy Hasbullah.....	55
Menghubung Titik.....	63
Siti Zubaidah Ismail	63
Miskin Harta, Miskin Ilmu	67
Afizah Salleh.....	67
Moga Hidayah Allah Miliknya	75

Siti Zubaidah Ismail	75
Nenekku Pergi Juga	79
Azirawati Ismail	79
Norma Baharu	83
Muhd Alwi Muhd Helmi	83
<i>Oncall</i> Menuju Ilahi	90
Nur Hasanah Ismail	90
Pelitup Muka	102
Siti Muisah Binti Ali	102
Pengalaman Bersalin Pada Kala COVID-19	109
Nor Azlina Ismail	109
Penglipur Lara Bonda	119
Jannatul Madidah Abu Bakar	119
Pertemuan Pertama dan Terakhir	122
Azlizan Supian	122
Pesakit Berakhlak Mulia	127
Sukma Haidar Mohd Nasir	127
Rezeki dari 'langit'	129
Jannatul Madidah Abu Bakar	129
Sahabatku Teman Sejati	133
Siti Muisah Ali	133
Satu Kisah Di PPV	140
Afizah Salleh	140

Sebuah Kerinduan...	147
Zurairah Ibrahim	147
Selamat Pengantin Baru, Makl	155
Aspalilah Alias	155
Semangat Juang Pelajar Sarjana	161
Faizah Mohd Zaki	161
Syahdunya Raya Tanpa Ayah Bonda	169
Azlizan Supian	169
Syukur Dalam Nikmat dan Ujian	174
Sukma Haidar Mohd Nasir	174
Tangisan Sang Anak.....	178
Sukmahaidar Mohd Nasir	178
Tangisan Seorang Isteri	182
Sukma Haidar Mohd Nasir	182
Tenang.....	184
Sukma Haidar Mohd Nasir	184
Terima Kasih Tuhan Untuk Peluang Kedua!.....	186
Azlizan Supian	186
The Power of Doa.....	192
Zaiwana Ngojar	192
Wabak Yang Sama, Kisah Keluarga Yang Berbeza.....	200
Azlizan Supian	200
Glosari	208

Senarai Singkatan.....	211
Biodata Penulis	213

Semoga arwah Mek berada di dalam rahmat-Nya dan termasuk dalam golongan hamba-hamba-Nya yang solehah.

Al-Fatihah buat arwah Mek. Pemergiannya pada usia hampir 90 tahun, amat kurasai. Pasti aku akan terus merinduinya.

Norma Baharu

Muhd Alwi Muhd Helmi

“Maaf encik, saya sebenarnya segan nak minta tolong, tapi kami sekeluarga memang terdesak sekarang. Dah lama tak berniaga. Tiada modal.”

Inilah sebahagian daripada mesej *WhatsApp* yang aku terima daripada rakanku.

“Kesian orang ini,” fikirku. Lantas aku segera menghubungi nombor telefon penghantar mesej berkenaan. Seorang wanita menjawab panggilanku. Siti namanya. Siti memberitahuku yang dia tinggal bersama ibu bapanya yang sudah uzur di Kampung Pandan, kurang lima minit jaraknya dari rumahku. Bapanya menghidap penyakit hati kronik, tidak

bekerja dan perlu menghadiri janji temu secara berkala di hospital. Sitilah yang menyara keluarga dengan menjual air teh susu dan kuih-muih di tapak jaja berhampiran rumahku.

Petang itu, aku dan isteri pergi ke rumah Siti. Rumah setingkat dengan dua bilik di perumahan rakyat Kampung Pandan itu kelihatan sangat sederhana namun sesuai untuk sebuah keluarga kecil untuk hidup selesa. Kami memberi sedikit sumbangan wang untuk dibuat modal dan bahan makanan kering untuk keperluan Siti sekeluarga. Golongan peniaga kecil seperti Siti memang terjejas teruk ketika tempoh PKP. Mereka tidak dapat berniaga untuk mencari sesuap nasi. Namun, hidup masih perlu diteruskan. Tidak seperti aku yang makan gaji ni. Cukup bulan, duit gaji masuk walaupun *work from home* (WFH). Aku bersyukur dengan kelebihan yang Allah kurniakan.

Hari ini aku terima sekali lagi *WhatsApp* daripada Siti.

"Encik, maaf mengganggu. Siti nak minta tolong lagi boleh ke? Duit hari tu tak cukup untuk buat modal. Kami ingat nak tambah kuih-muih lagi untuk berniaga."

Aku terkedu seketika selepas membaca mesej daripada Siti. Pada benakku, aku mula tertanya-tanya di mana rasa malu wanita ini. Namun, segera aku putuskan sangkaan negatifku ini. Aku cuba bersangka baik walaupun masih terselit rasa sangsi dalam hati. Mungkin Siti memang sedang terdesak. Mungkin harga barang yang mencanak naik sejak pandemik ini menyebabkan duit yang kuberi tempoh hari tidak mencukupi untuk dibuat modal. Pelbagai persoalan timbul dalam kotak fikiran ku. Tanpa membuang masa, aku bingkas bangun menuju ke rumah Siti.

Sebaik aku tiba di simpang masuk ke rumah Siti, kelibat sebuah kereta dari arah bertentangan menarik perhatianku. Kuberhentikan keretaku untuk memerhati. Dapat aku rasakan yang kami menuju ke destinasi yang sama. Kereta tersebut berhenti untuk bertanya arah ke rumah Siti dan kemudiannya berhenti di hadapan rumahnya. Seorang lelaki berpakaian kemas keluar dari kereta tersebut dan memberi salam beberapa kali. Selepas puas menunggu jawapan, beliau bingkas beredar. Sepemergian lelaki tersebut, aku meluru ke rumah jiran Siti yang disinggah lelaki tadi. Kutanyakan perihal tujuan kedatangan lelaki tersebut.

"Orang tadi tu cari Siti sebab nak bagi bantuan. Untung Siti sejak PKP ni banyak bantuan dia dapat," aku terkedu mendengar jawapan wanita pertengahan umur tersebut.

Aku kemudiannya bertanya lagi untuk mendapatkan kepastian mengenai latar belakang Siti. Baru aku ketahui bahawa Siti sebenarnya tinggal sekelamin sahaja di rumahnya. Ibu bapanya yang uzur tinggal dan disara oleh kakaknya, seorang jururawat di Paya Besar. Siti dan suaminya berniaga kecil-kecilan namun, sejak PKP, mereka tidak berniaga langsung dan hanya duduk di rumah menunggu bantuan daripada orang awam dan badan-badan kebajikan.

Aku bingung dan sedih memikirkan masalah yang menimpa masyarakat akibat daripada pandemik COVID-19 ini. Benarlah ujian Allah ini boleh menjadi fitnah kepada manusia, pembeza antara mereka yang bersyukur dan yang kufur nikmat akan nikmat-Nya. Ada yang bersabar dan terus bersyukur walaupun dalam kesempitan. Namun, tidakku sangka ditengah-tengah ujian yang melanda, ada pula yang mengambil kesempatan. Ke mana hilangnya maruah dan perasaan malu untuk meminta-minta. Inilah dia agaknya norma baharu.

Mentaliti dan budaya baharu, satu cabaran baharu dalam dakwah dan pendidikan yang harus kita dihadapi.

Tetapi lain pula kisah jiranku yang lain. Hujung minggu itu aku tidak bekerja. Pagi itu aku mengisi masa lapangku mengemas halaman rumah. Sedang aku sibuk menyapu, kelihatan kelibat Abang Man, jiran belakang rumahku. Abang Man tinggal bersama isterinya, Kak Ti dan tiga orang anaknya di sebuah rumah kecil yang dibina di atas tanah pusaka tinggalan keluarga Kak Ti, tak jauh dari rumahku. Abang Man dalam perjalanan menuju ke sungai.

“Abang Man nak pergi kerja ke?” tegurku.

“Dah tiga bulan tak kerja Wi,” jawab Abang Man. Aku terkedu. Namun aku sembunyikan riak wajahku sambil bertanya lagi, “Oh, jadi Abang Man nak pergi mana ni?” Baru aku perasan Abang Man membawa bekas tong cat dan sebotol air minuman di tangannya.

“Nak pergi sungai tangkap ikan. Lepas tu, nak cari paku pakis dan cendawan sikit dekat hutan,” jawabnya sambil bibirnya sedikit menjuih ke arah hutan yang tidak jauh daripada rumah kami.

Aku sebenarnya takut untuk terus bertanya, takut terguris hati Abang Man. Tetapi hatiku tetap ingin mengetahui keadaan Abang Man sekeluarga ketika PKP ini. "Bagaimana kewangan Abang Man sekeluarga PKP ni? Makan minum macam mana?"

"Alhamdulillah Wi, kami sekeluarga setakat ni ada lagi makanan. Nak makan, Abang Man cari dekat sungai atau hutan, cuma nanti buka sekolah ni tak tahu mana nak cari duit. Harapnya dah boleh kerja waktu tu," tenang sahaja jawapan Abang Man.

Aku terharu mendengar jawapan Abang Man. Bagaimana boleh aku sekeluarga hidup selesa dengan makan minum yang terjaga, sedangkan jiranku kelaparan. Aku berasa gagal menjadi jiran yang baik dan prihatin.

Abang Man merupakan seorang pekerja buruh binaan. Isterinya suri rumah yang mengambil upah menggosok pakaian di rumahku setiap hujung minggu. Tiga orang anak Abang Man masih bersekolah. PKP yang dilaksanakan mengakibatkan Abang Man tidak dapat meneruskan pekerjaannya. Putusnya pendapatan hariannya yang sebelum ni berjumlah RM100 sehari sememangnya memberi impak yang besar ke atas kelestarian hidup Abang Man sekeluarga.

Aku teringat peristiwa dua tahun lepas. Fadhli, anak Abang Man yang ketiga mendapat tawaran kemasukan ke sekolah berasrama penuh. Namun, tawaran tersebut terpaksa ditolak mengenangkan kos belanja perjalanan, perkakas asrama dan pendaftaran sekolah yang tinggi. Aku tahu kehidupan mereka sememangnya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Kebelakangan ini aku banyak bermuhasabah mengenangkan kesan ujian COVID-19 ini terhadap masyarakat dari pelbagai aspek kehidupan. Mungkin kerana kes COVID-19 di ICU pun semakin berkurangan sejak vaksin diperluaskan. Kesan fizikal dan mental ke atas pesakit COVID-19 memang sudah umum diketahui dan sudah kerap kali kutemui di hospital tempatku bekerja. Kesannya terhadap ekonomi dan sosial juga sama atau lebih dahsyat daripada kesan fizikal.

Tempoh hari, aku terbaca di surat khabar berita seorang kanak-kanak lelaki 12 tahun yang cuba membunuh diri atas alasan tertekan belajar dalam talian di rumah. Subhanallah, mungkin inilah norma baharu sebenar masyarakat di sebalik penjarakan sosial dan langkah kawalan jangkitan yang kini menjadi amalan dan budaya

masyarakat. Aku sedar masih banyak yang perlu aku lakukan dalam kemampuanku yang terhad bagi membantu segenap lapisan masyarakat ini.

Oncall Menuju Ilahi

Nur Hasanah Ismail

Hari yang memenatkan.

Alhamdulillah *oncall* semalam tidaklah sibuk sangat cuma memang tidak ada masa yang lama untuk berhenti rehat. Ada sahaja perkara yang berlaku setiap saat.

Bermula dengan *oncall* pagi tu, tenang, tiada pesakit di bilik bersalin, cuma ada dua orang pesakit di bilik PE (pre-eclampsia; keadaan di mana pesakit mengalami masalah darah tinggi semasa mengandung dan kehadiran protein dalam air kencing dan sama ada mempunyai gejala pening kepala, loya, muntah, pedih ulu hati, bengkak kaki dan muka ataupun tidak). Kedua-dua pesakit tersebut sudah selamat bersalin secara pembedahan. Mereka ditempatkan di bilik PE untuk

Muhd Alwi Muhd Helmi



Dr. Muhd Alwi Muhd Helmi lahir di Kuala Lumpur pada 3 November 1987 dan mendapat pendidikan awal, menengah dan pra-universiti di Kuala Lumpur, Melaka dan Banting, Selangor, sebelum melanjutkan pelajar peringkat prasiswazah di University of Manchester, United Kingdom. Seterusnya, penulis melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Klinikal di Universiti Sains Malaysia (USM). Kini, penulis berkhidmat sebagai Pensyarah Klinikal Pediatrik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuantan.